LAPORAN KRONOLOGI PERUBAHAN REKABENTUK (PENAMBAKAN *POND* SEDIADA)

BIL.	TARIKH	PERKARA/TINDAKAN	RUJUKAN
1.	**14 September 2019**	▪ Lawatan Tapak diadakan buat kali pertama Bersama wakil KPKT dan pasukan Perunding setelah penerimaan SST pada 13 September 2019. Penjelasan: *Pasukan Perunding dan wakil KPKT sedia maklum dengan Kawasan Pond sediada dan bersetuju secara dasar untuk tidak menjadikan kawasan Pond sediada sebagai sebahagian kawasan pembangunan bagi mengelak peningkatan kos siling.*	-
2.	**16 September 2019**	▪ Perunding Arkitek mengemukakan *softcopy* Pelan Topo dan Pelan Piawai kategori C *(rujukan dari JBPM Sri Petaling)* melalui email kepada setiap perunding. Penjelasan: *Pelan diedarkan untuk perhatian dan rujukan awalan pihak Perunding.*	Lampiran 1
3.	**18 September 2019**	▪ Perunding Arkitek mengemukakan *softcopy* Pelan Arkitektural bagi projek ini melalui email kepada setiap perunding untuk perhatian dan tindakan bagi rekabentuk awalan. Penjelasan: *Rekabentuk kategori C (rujukan dari JBPM Sri Petaling) diubah bersesuaian dengan keadaan Tapak projek. Pelan Tapak projek ini siap disediakan oleh perunding Arkitek.*	Lampiran 2
4.	**19 September 2019**	▪ Setiap perunding terima *softcopy* Pelan Kejuruteraan melalui email daripada pihak AFK. Penjelasan: *Pelan yang diterima tidak menunjukkan penambakan Kawasan Pond sediada dan pelan ini adalah persiapan awal untuk dicadangkan dalam Bengkel Semakan Rekabentuk.*	Lampiran 3

5.	**20 September 2019**	**<u>Bengkel Semakan Rekabentuk</u>** (di JBPM, Precint 9, Putrajaya) ▪ Perunding Arkitek membentangkan rekabentuk awalan dan menerima maklum balas untuk penambahbaikan rekabentuk bagi tujuan penjimatan kos dan keperluan teknikal yang bersesuaian. ▪ Pasukan Perunding bersama-sama pihak KPKT dan pihak JBPM bersetuju bahawa kawasan *pond* sediada tidak ditambak seperti yang diarahkan oleh pihak KPKT. <u>Penjelasan:</u> *Tujuan adalah untuk mengelakkan pertambahan kos atau melebihi kos siling berdasarkan PDA yang disediakan oleh pihak Perunding Ukur Bahan pada ketika ini.* *Keperluan penambakan Kawasan pond sediada juga tidak dibangkitkan oleh pihak perunding C&S semasa pembentangan dan perbincangan.*	Lampiran 4
6.	**22 September 2019**	▪ Perunding Arkitek mengemukakan *softcopy* Pelan Arkitektural terkini melalui email kepada setiap perunding. <u>Penjelasan:</u> *Perunding Arkitek mengemukakan Pelan Arkitektural berdasarkan penambahbaikan hasil daripada perbincangan dalam Bengkel Semakan Rekabentuk. Kawasan Pond sediada kekal tanpa sebarang perubahan.*	Lampiran 5
7.	**24 September 2019**	**<u>Mesyuarat Penyelarasan DSKSU KPKT Bersama PBT</u>** (di KPKT, Precint 4, Putrajaya) ▪ Perunding Arkitek mengemukakan *hardcopy* Pelan Arkitektural untuk ditandatangani bagi persiapan pengemukaan permohonan kelulusan pelan kepada pihak PBT. <u>Penjelasan:</u> *Perunding Arkitek mengemukakan Pelan Arkitektural yang telah dimuktamadkan berdasarkan Bengkel Semakan Rekabentuk.*	Lampiran 6

نور ازوان اركيتيك

8.	**26 September 2019**	**<u>Pengemukaan Pelan Pembangunan Interim (IDP), Pelan Pembangunan (DP), Pelan Bangunan (BP) dan Pelan Arkitektural (Bomba)</u>** (di Majlis Daerah Beaufort) ▪ Perunding Arkitek mengemukakan permohonan kelulusan Pelan Pembangun Interim, Pelan Pembangunan (DP), Pelan Bangunan (BP) kepada Majlis Daerah Beaufort. ▪ Perunding Arkitek mengemukakan permohonan kelulusan Pelan Arkitektural (Bomba) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah. <u>Penjelasan:</u> *Perunding Arkitek mengemukakan Pelan Arkitektural sepertimana yang telah dipersetujui dan disahkan (ditandatangan) oleh pihak KPKT dan JBPM.*	Lampiran 7
9.	**28 September 2019**	▪ Setiap perunding terima *softcopy* Pelan Kejuruteraan bagi Lukisan Tender melalui email daripada pihak AFK. <u>Penjelasan:</u> *Merujuk kepada pelan yang dikemukakan, pihak AFK telah menunjukkan cadangan penambakan kawasan Pond sediada (rujuk lampiran) tanpa memaklumkan secara lisan mahupun bertulis kepada pihak Arkitek dan Perunding lain.* *Pihak Perunding Arkitek tidak menyedari perubahan ini kerana tidak dimaklumkan.*	Lampiran 8
10.	**29 September 2019**	▪ Perunding Arkitek mengedarkan *softcopy* Pelan Arkitektural bagi Lukisan Tender melalui email kepada setiap perunding. <u>Penjelasan:</u> *Lukisan Tender Arkitek kekal sepertimana Lukisan terdahulu dan tiada sebarang perubahan rekabentuk dilakukan.* *Ini adalah keperluan kepada setiap Perunding dalam penyediaan kos dan lukisan lain.*	Lampiran 9

نور ازوان اركيتيك

11.	**14 November 2019**	**<u>Mesyuarat Pra Pembinaan</u>** (di Tapak BBP Beaufort, Sabah) ▪ Perunding Arkitek membuat pembentangan dalam mesyuarat berhubung rekabentuk dan kawasan terlibat untuk pembinaan. <u>Penjelasan:</u> *Pembentangan adalah bertujuan memberi maklum kepada pihak Kontraktor Utama berhubung komponen bangunan dan dengan jelas menunjukkan Site Boundary dan Development Boundary tanpa mendapat bantahan mahupun pembetulan daripada Perunding lain.*	Lampiran 10
12.	**18 Januari 2020**	**<u>Lawatan Turun Padang YB Menteri KPKT</u>** (di Tapak BBP Beaufort, Sabah) ▪ Perasmian Tapak dilakukan oleh YB Menteri dan pembentangan rekabentuk dijalankan berdasarkan *Presentation Board* yang disediakan oleh Perunding Arkitek. <u>Penjelasan:</u> *Pembentangan dilakukan dengan penerangan ke atas Site Boundary, Development Boundary dan Building Component berdasarkan Lukisan Arkitek yang telah dikemukakan kepada PBT.*	Lampiran 11
13.	**3 Mac 2020**	**<u>Mesyuarat Teknikal & Mesyuarat Tapak No.3</u>** (di Pejabat Tapak BBP Beaufort, Sabah) ▪ Perubahan Kerja melibatkan kerja-kerja penambakan di kawasan *pond* sediada dibincang di dalam Mesyuarat Teknikal dan Mesyuarat Tapak No.3. ▪ Perunding Ukur Bahan mengesahkan bahawa tiada perubahan kos ke atas perubahan ini memandangkan kos telah diambilkira oleh Kontraktor Utama semasa peringkat tender berdasarkan Pelan Tender Kejuruteraan. <u>Penjelasan:</u> *Perunding Arkitek menyedari perbezaan antara Lukisan Arkitek dan Pelan Kejuruteraan apabila mendapati Kawasan Pond sediada telah ditambak.*	Lampiran 12

نور ازوان اركيتيك

		Perunding Arkitek memberi peringatan kepada pihak Kontraktor untuk merujuk kepada Pelan Kejuruteraan dan Pelan Arkitektural secara bersama dan memaklumkan kepada Perunding sekiranya terdapat perbezaan (discrepancy). *Permohonan perubahan kerja akan dikemukakan kepada KPKT USB oleh Perunding Arkitek dan justifikasi daripada AFK diperlukan sebagai sokongan keatas keperluan penambakan kawasan Pond sediada.*	
14.	**9 Jun 2020**	**<u>Pengemukaan Permohonan Perubahan Kerja</u>** (di pejabat USB KPKT, Precint 4, Putrajaya) ▪ Perunding Arkitek mengemukakan permohonan perubahan kerja (penambakan *pond* sediada & tambahan *turfing*). <u>Penjelasan:</u> *Permohonan ditolak dan tidak diterima oleh pihak USB memandangkan perubahan rekabentuk yang dibuat bukan daripada pihak Arkitek.*	Lampiran 13
15.	**10 Jun 2020**	**<u>Mesyuarat Tapak No.4</u>** (Secara Dalam Talian - *Skype*) ▪ Isu penambakan *Pond* sediada dan tambahan *Turfing* dibangkitkan susulan permohonan perubahan kerja daripada perunding Arkitek ditolak oleh USB. <u>Penjelasan:</u> *Pihak USB meminta perunding C&S untuk mengemukakan permohonan perubahan kerja kepada UKAS disebabkan keperluan perubahan rekabentuk adalah daripada pihak C&S.*	Lampiran 14
16.	**6 Julai 2020**	**<u>Mesyuarat Tapak No.5</u>** (di Pejabat Tapak BBP Beaufort, Sabah) ▪ Perunding C&S melaporkan pihak UKAS telah menolak permohonan perubahan kerja disebabkan tiada perubahan pada Pelan Kejuruteraan dari peringkat Tender hingga kini. ▪ Tuan Pengerusi memaklumkan supaya Perunding Arkitek dan C&S mengemukakan kronologi yang melibatkan perubahan kerja ini.	Lampiran 15

نور ازوان اركيتيك

		Penjelasan: *Perunding Arkitek memohon keputusan berhubung proses dan prosedur yang harus diambil untuk menyelesaikan isu ini memandangkan pihak Arkitek perlu membuat pindaan ke atas Pelan Arkitektural.*	

Disahkan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
LAM No. A/N 157
Principal